

EDISI 4 | JULAI - OGOS 2024

BULETIN

KKTM SRI GADING

IVORY

BAKTI & DEDIKASI:


JEJAK CSR KKTMSG

KESIAPSIAGAAN TERBAIK:

*KEM MOTIVASI KONTINJEN
KKTM, MJII DAN IKM
MENJELANG WORLDSKILLS
MALAYSIA BELIA 2024*

Ts Mawardi Hussain
ANUGERAH PENDIDIK
CEMERLANG MARA

SAMBUTAN KEMERDEKAAN KE 67 DI KKTM SRI GADING




Jom Iklan ALUMNI DTG

DMG Signature Sdn Bhd Pakar Gajet anda!

Perkhidmatan kami:

- membekal IDevice
- membaiki gajet terutamanya IDevice

Temui kami di:
Damage Bandar Sunway
9, Jalan PJS 8/10, Bandar Sunway,
46150 Petaling Jaya, Selangor.
Pej : +603-56122127



Alumni sesi
Jan-Jun 2016

MUHAMMAD HIDAYAT BIN SAID

DSI BINA RESOURCES & PUBLIC
HEALTH GLOBAL CONSULTANCY
SDN BHD

dsibinaresources@gmail.com

Kami menyediakan perkhidmatan
yang profesional dan berkualiti dalam
kerja-kerja:

- Pembinaan / Kesihatan / Penyelidikan



MUHAMMAD AIDIL BIN MAT SHAH
Alumni sesi
2010



UMLAB LABORATORY & SERVICES SDN BHD

umlaboratory@gmail.com
07-5624803 (Pejabat)

Kami menyediakan perkhidmatan
yang profesional dan berkualiti dalam
kerja-kerja:

- ujikaji makmal untuk Kejuruteraan Awam
- perkhidmatan yang lain-lain



Alumni sesi
2008/2011
RAIMI BIN MOHD RAMLI



TAJARAN PENDIDIKAN DIPLOMA TVET MARA

Dapatkan pengalaman pendidikan berkualiti
tinggi dan terbaik hanya di KKTM Sri Gading!

Bersama kami, anda akan mendapat akses:

- 1 Program mengikut keperluan industri
- 2 Kemudahan pembelajaran moden
- 3 Sokongan berterusan daripada pensyarah berpengalaman
- 4 Bebas hutang pendidikan
- 5 Peluang pekerjaan dan jadi usahawan

SRI GADING

Kemasukan DIBUKA!
Kolej Kemahiran Tinggi MARA
- SRI GADING, Johor

Jom Masuk KKTM
<http://srigading.kktm.edu.my/>

PROGRAM YANG DITAWARKAN :
DIP. TEK. KEJURUTERAAN PEMBINAAN
DTC - Sistem Termaju KOD : C42
DTG - Geo-Struktur KOD : C43
DTH - Forensik Bangunan & Penyelenggaraan KOD : C44
DTH - Jalan Raya & Pengangkutan KOD : C45
DTM - Perkhidmatan Bangunan & Penyelenggaraan KOD : C46
DTV - Pemodelan Maklumat Bangunan KOD : C47
DTE - Bangunan Hijau KOD : C48

SYARAT KEMASUKAN :
LULUS SPM atau setara dengan TIGA (3) keputusan dalam mata pelajaran berikut:

- Matematik
- Mana-mana SATU (1) mata pelajaran mengikut Kumpulan Sains/ Vokasional & Teknologi/ Mata Pelajaran Vokasional (MPV)/ Mata pelajaran Aliran (MPAW)
- Mana-mana SATU (1) mata pelajaran lain.

Dan LULUS Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris & Sejarah

SYARAT KEMASUKAN LAIN :

- LULUS IKM/ ILKA/ ILKS
- LULUS Sijil Kejuruteraan/ Teknologi Kejuruteraan/ Profesional/ Teknologi dalam bidang berkaitan dengan CGPA ≥ 2.50
- ATAU
- LULUS Sijil Kejuruteraan/ Teknologi Kejuruteraan/ Profesional/ Teknologi dalam bidang berkaitan dengan 2.0 < CGPA < 2.50 dan sekurang-kurangnya bekerja dalam bidang berkaitan.

Usuk kaferangan lanjut. Ila hubungi :
EN. ZAINUDDIN BIN ZAKARIA HP : 019-676 7029
EN. HAIRUL ANWAR BIN MUHAMAD NOH HP : 013-781 1635
PN. SITI JALEHA BINTI KAHAN HP : 013-601 8442

KANDUNGAN



35 SELAMAT DATANG KEPADA SISWA SISWI BAHARU KKTM SRI GADING

SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE 67 MERIAH

10 JOM MASUK KAMPUNG

mengeratkan ukhwah antara KKTM Sri Gading dengan komuniti luar di Kota Tinggi

34 EPIK JALUR GEMILANG



menghagatkan sambutan Hari Kemerdekaan ke-67 di KKTM Sri Gading

39 KEHEBATAN PEMANAH KKTM SRI GADING

terserlah dalam Pertandingan Memanah Tradisional Terbuka Daerah Kulai



DTH TERUS MENABUR BAKTI

dalam JOM MASUK KAMPUNG



AL-FALAH PEMACU PEMACU MALAYSIA MADANI

Sambutan Maal Hijrah 1446H Peringkat KKTM Sri Gading

41 KUALITI AKADEMIK DITINGKATKAN

menerusi refresher Course: Developing an Outcome Based Assessment

47 PAMERAN ISES 2024

terus perkenalkan Jabatan Bangunan Hijau kepada pemain industri teknologi hijau

PENGERUSI

Puan Nor Ain binti Abas

SETIAUSAHA

Puan Norazlina binti Mohmed

AHLI

Ts. Aidatul Salwani binti Jamaluddin
Puan Azima binti Sapuan
Puan Nurul Ashikin binti Abu Bakar
Puan Suhaya binti Sukemi
Puan Siti Nazirah binti Abdul Rahman
Ts. Zahtuliffa binti Tusimin

EDITOR EDISI 4|2024

Puan Nurul Ashikin binti Abu Bakar

PEREKA GRAFIK EDISI 4|2024

Ts. Aidatul Salwani binti Jamaluddin

Editor Ivory
KKTM SRI GADING



MENJULANG CITRA PENDIDIK HEBAT:

Ts. Mohd Mawardi bin Hussain

5 Ogos 2024 - Majlis Amanah Rakyat (MARA) sekali lagi mengiktiraf kecemerlangan dalam pendidikan melalui penganugerahan Hari Anugerah Pendidik MARA yang berlangsung di Hotel Premiera, Kuala Lumpur.

Majlis yang disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, bertujuan untuk menghargai dedikasi dan sumbangan para pendidik yang telah memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan. Bertemakan *Pendidik Murabbi, Pemangkin Masyarakat Madani*, majlis itu inisiatif MARA dalam memberi pengiktirafan terhadap pencapaian pendidik yang mencipta kecemerlangan atas usaha dan



sumbangan kepada pembangunan pendidikan negara.

Penerima Anugerah Pendidik Cemerlang MARA, Ts. Mohd Mawardi bin Hussein dari KKTm Seri Gading, melahirkan rasa terima kasih dan berkata bahawa pengiktirafan ini menjadi pemangkin semangat untuk terus berusaha dan memberikan yang terbaik kepada pelajar.



Sekalung Tahniah

kepada penerima **ANUGERAH
PEKERJA TERBAIK
BULANAN**

»»»» Julai



Ts. LELASARI BIN ALI

Ketua Program
Jabatan Jalanraya dan Pengangkutan (DTH)

MURNI BINTI MARTHININ

Pembantu Tadbir Kanan



Ogos <<<<

MOHAMAD FAZIL BIN JAMALUDDIN

Pegawai Latihan Vokasional
Jabatan Pemodelan Maklumat Bangunan
(DTV)



MOHD KHAIRUDDIN BIN ABD MAJID

Guru MARA
Jabatan Pengajian Am

ROS ANIDA BINTI DAUD

Pembantu Tadbir
(Kewangan)



NORLIEZULAINA BINTI SHAFAT

Pembantu Tadbir
(Stor Utama)

KKTM SRI GADING

MULAKAN SESI JULAI-DISEMBER 2024
DENGAN MINGGU HALUAN SISWA YANG
INSPIRATIF

Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading telah memulakan sesi akademik Julai–Disember 2024 dengan penganjuran Minggu Haluan Siswa (MHS) yang berjaya. Program ini, yang berlangsung dari 21 hingga 25 Julai 2024, bertujuan memperkenalkan pelajar baharu kepada suasana kolej, mempersiapkan mereka menghadapi kehidupan akademik, serta membentuk hubungan sosial yang erat.



MHS kali ini menawarkan pelbagai aktiviti yang dirancang rapi untuk membantu pelajar baharu menyesuaikan diri dengan persekitaran kolej serta mengukuhkan asas dalam kehidupan akademik. Antara aktiviti adalah sesi pengenalan, aktiviti riadah serta taklimat Pengarah KKTM Sri Gading.



Al Falah Pemacu Malaysia Madani

KKTM Sri Gading Sambut Maal Hijrah dengan Semangat Hijrah Rasulullah s.a.w.



KKTM Sri Gading telah menganjurkan sambutan Maal Hijrah 1446H dengan pelbagai aktiviti yang penuh makna, bertujuan menyemai nilai murni dan memperkukuhkan kesatuan ummah dalam kalangan warga kolej. Program ini dianjurkan oleh Program Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan Geostruktur (DTG), serta disertai oleh semua warga kolej.

Acara bermula dengan Solat Dhuha yang diikuti oleh perarakan Maal Hijrah, di mana para peserta dengan penuh semangat membawa sepanduk yang menggambarkan semangat hijrah dan keindahan nilai Islam. Pertandingan sepanduk dan kuiz Maal Hijrah turut diadakan bagi menyemarakkan lagi suasana sambutan.

Pengarah KKTM Sri Gading, Tuan Hj Azman bin Ali dalam ucapannya, mengajak seluruh warga kolej untuk menjadikan semangat hijrah sebagai inspirasi dalam meningkatkan kualiti diri dan meneguhkan perpaduan.





Puncak acara adalah ceramah Maal Hijrah yang disampaikan oleh Al Fadhil Ustaz Dr. Shafiq Bin Sahimi, seorang pensyarah dari UTHM Pagoh. Beliau menyentuh tentang pentingnya hijrah dalam konteks kehidupan moden, menyeru agar warga KKTM Sri Gading sentiasa berusaha memperbaiki diri dan bersatu dalam mencapai kejayaan.

Sambutan ini juga bertujuan membentuk kesatuan fikiran, gerak kerja dan nilai kepimpinan dalam kalangan warga KKTM Sri Gading, sejajar dengan objektif program untuk menjayakan budaya kerja yang cemerlang dan menyokong visi serta misi kolej.



Program ini diakhiri dengan majlis keraian untuk meraikan pemenang-pemenang pertandingan sependuk dan kuiz. Sambutan Maal Hijrah 1446H di KKTM Sri Gading bukan sahaja berjaya mencapai objektifnya, tetapi juga menjadi platform untuk mengeratkan silaturahim dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan warga kolej.





Khamis, 25.7.2024 - Program Jom Masuk Kampung ini merupakan program kolaborasi yang julung kalinya melibatkan kerjasama antara pihak Jabatan DTH KKTM Sri Gading bersama pihak KEMAS Negeri Johor serta JKK Kampung Lukut. Program ini telah berlangsung selama 3 hari 2 malam yang bermula pada 25.7.2024 hingga 27.7.2024.

Setibanya di sana, kesemua peserta dibawa masuk ke dalam Dewan Semerah Padi untuk sesi taklimat dan penyerahan peserta kepada keluarga angkat. Sebanyak 8 buah keluarga telah terlibat dalam program ini. Penyerahan telah disempurnakan oleh Encik Zamri bin Mohamad, Pengarah KEMAS Negeri Johor.

Pada hari kedua, program dimulakan dengan solat subuh berjemaah bersama qariah Masjid Kampung Lukut dan diteruskan dengan kuliah subuh yang telah disampaikan oleh Al Fadhil Ustaz Tn Haji Mohd Fairuz bin Ali Akbhar yang bertajuk Hijrah.

Aktiviti seterusnya ialah khidmat masyarakat yang dijalankan ialah kerja-kerja membaikpulih permukaan jalan di

Lorong Amal, membersihkan Masjid Kampung Lukut serta kerja gotong royong di Dewan serta Balai Raya Kampung Lukut. Selain daripada melakukan CSR, peserta turut berpeluang untuk menyertai Klinik Audit Solat di Dewan Semerah Padi.

Perasmian program Jom Masuk Kampung ini telah disempurnakan oleh Ahli Parlimen Tenggara iaitu YB Tuan Hj Manndzri bin Nasib selepas kesemua acara sukan selesai.

Pada hari terakhir, semua peserta anak angkat telah diserahkan kembali kepada pihak KKTM Sri Gading. Pengarah KKTM Sri Gading, Tuan Haji Azman bin Ali berbesar hati untuk menyampaikan ucapan penghargaan kepada kesemua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.



JOM MASUK

KAMPUNG

08

IVORY | JUL-OGOS 2024





TAUTAN KASIH DTG@JD2024

Program Pertemuan Tautan Kasih bagi Jabatan Geostruktur (DTG) bagi sesi Julai-Disember 2024 telah diadakan pada 25 Julai 2024 di Bilik Seminar.

Program yang telah dihadiri oleh semua pensyarah dan juruteknik serta para pelajar Jabatan DTG ini telah menjadi satu program rasmi pada setiap semester.

Antara objektif program ini ialah untuk mengeratkan silaturahim antara warga Jabatan DTG di samping memberi taklimat kepada pelajar-pelajar baru berkaitan MARA, BKT, KKTM Sri Gading dan Jabatan DTG. Program ini juga bertujuan untuk menerangkan tentang Visi, Misi dan OBE kepada pensyarah dan pelajar dengan jelas.

Kesimpulannya, program ini bukan sahaja memperkenalkan pelajar baharu kepada suasana kolej, tetapi juga mengukuhkan asas akademik dan disiplin melalui nasihat inspirasi daripada pensyarah DTG. Amanat tegas Ts. Zaharah binti Mamat mengenai kecemerlangan akademik dan taklimat OBE yang membuka minda turut menambah nilai dalam membimbing pelajar ke arah kejayaan. Program ini jelas memberi impak mendalam dalam membentuk generasi pelajar yang lebih bersedia dan berdaya saing.





Majlis Suaikenal & Apresiasi PROGRAM DTC

Sesi Julai - Disember 2024

Pada 6 Ogos 2024, Jabatan DTC mengadakan Majlis Suaikenal dan Apresiasi di Dewan Teater A, melibatkan pensyarah dan pelajar. Acara tahunan ini memperkenalkan pelajar semester 1 kepada pensyarah dan pelajar kanan serta melantik jawatankuasa pelajar bagi sesi tahun 2024. Encik Noor Haslam Amin bin Sabar menyampaikan amanat tentang akademik dan disiplin, sementara Puan Nor Ain binti Abas menerangkan Outcome Based Education (OBE) dan Sustainable Development Goals (SDG). Majlis ini berjaya mengeratkan hubungan dan mempersiapkan pelajar untuk kejayaan akademik serta pembangunan peribadi yang berterusan.



Keseluruhannya, Majlis Suaikenal dan Apresiasi ini berjaya mencapai matlamatnya bukan sahaja sebagai acara formal, tetapi juga sebagai wadah untuk menyemai semangat kekeluargaan dalam kalangan warga DTC. Dengan semangat baharu yang dibawa oleh pelajar semester 1, ditambah dengan kepimpinan yang dinamik dalam kalangan pelajar kanan, Jabatan DTC kini bersedia untuk terus melangkah maju dalam mencapai kecemerlangan akademik dan pembangunan diri yang menyeluruh.



Tautan Kasih DTF JD2024

"Sebuah amanat, harapan dan kejayaan tercipta di sini"

Pada 30 Julai 2024, Bilik Seminar, KKTM Sri Gading menjadi saksi kepada Majlis Tautan Kasih DTF bagi sesi Julai-Disember 2024 yang berlangsung dengan penuh bermakna. Program tahunan ini yang melibatkan semua pensyarah dan pelajar Jabatan Forensik Bangunan dan Penyelenggaraan (DTF), bertujuan mengeratkan hubungan dan memperkenalkan pelajar baharu kepada suasana akademik yang dinamik.

Antara acara utama adalah sesi suai kenal yang mesra antara pelajar semester 1 dan pelajar kanan, diikuti dengan taklimat mendalam mengenai Outcome Based Education (OBE) yang memperkaya pengetahuan pelajar tentang pendekatan pendidikan berasaskan hasil. Ketua Program DTF, Ts Hj Mohd Shahrizan bin Asmawi, memberikan ucapan penuh inspirasi dan amanat yang membangkitkan semangat pelajar untuk memacu kejayaan akademik.



Majlis ini diakhiri dengan sesi penyerahan surat lantikan kepada AJK Jabatan DTF bagi sesi Julai-Disember 2024. Diharapkan AJK yang dilantik akan melaksanakan tanggungjawab dengan cemerlang, memacu Jabatan DTF ke arah kejayaan yang lebih gemilang dalam semester ini.

Dengan semangat yang berkobar dan azam yang padu, pelajar-pelajar Jabatan DTF diharapkan akan terus memacu kecemerlangan dan memberi impak positif dalam bidang masing-masing.



ELEVATE 2024: DTV PART 2

Program Pertemuan Pelajar DTV (Elevate 2024 DTV Part 2) bagi sesi Julai-Disember 2024 telah berlangsung dengan penuh meriah dan semangat pada 31 Julai 2024 (Rabu), di bawah naungan Penyelaras Program DTV, Tuan Haji Baharin Ahmed. Acara tradisi ini yang menjadi permata di setiap pembuka semester, memberikan pendedahan eksklusif kepada pelajar baharu semester 1 mengenai realiti pembelajaran di kolej sambil membakar semangat mereka untuk mencapai kejayaan akademik yang cemerlang.

Antara agenda program :

1. Ucapan dari Presiden Pelajar DTV sesi JD2023-JJ2024
2. Ucapan Penyelaras Program DTV
3. Sesi Taaruf Pelajar Semester 1
4. Taklimat Outcome Based Education (OBE)
5. Pencapaian Akademik Sesi Januari-Jun 2024
6. Perlantikan AJK Program DTV yang baharu sesi JD2024-JJ2025

Selamat datang kepada 39 pelajar baharu DTV semester 1 ke KKTm Sri Gading! Tahniyah!

Anda adalah generasi emas yang bakal menerajui bidang BIM di negara ini, siap sedia mengukir kejayaan gemilang dan mencipta legasi yang akan dikenang. InsyaAllah, masa depan gemilang menanti anda!



DTH APPRENTICE

THE YOUTH TO BE BUILD



Ahad | 14.7.2024 - Program Jalanraya dan Pengangkutan (DTH) sekali lagi memecah tradisi bilamana telah menganjurkan program yang berbentuk kerja berpasukan iaitu "DTH Committee Apprentice". Program yang dilaksanakan di 21st Century telah disertai oleh seramai dua belas orang pelajar Program DTH. Kesemua mereka merupakan ahli jawatankuasa pelajar yang telah dilantik untuk sesi Julai Disember 2024.

Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk membina ketrampilan dan jati diri para pelajar agar dapat menjadi pemimpin yang lebih unggul selain untuk memenuhi keperluan terkini dalam aspek kelestarian sistem serta mengasah minda yang lebih kreatif dan kritis. Melalui program ini, beberapa aktiviti telah dilakukan antaranya ialah Impromptu Speaking, Sustainable Innovation Challenges, Leadership Role Play dan DTH Leisure Pleasure. Jemputan panel yang istimewa dari Jabatan Pengajian Am iaitu Puan Nurul Ashikin binti Abu Bakar telah membantu menaikkan lagi kemahiran pelajar untuk berucap di hadapan umum.

Sebagai penutup acara, DTH Leisure Pleasure turut memeriahkan lagi program DTH Committee Apprentice ini. Aktiviti riadah ini telah melibatkan kesemua staf dan pelajar-pelajar Jabatan DTH.

Semoga dengan terlaksananya program ini telah berjaya membantu meningkatkan keyakinan, kerjasama berpasukan serta kemahiran sahsiah yang lain di kalangan para pelajar Program DTH.



Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan

DTH PODCAST IVORY

13

IVORY | JUL-OGOS 2024

Ahad 14.7.2024 - DTH Ivory Podcast juga telah berlangsung secara maya di mana dalam slot ini lima orang alumni Program DTH yang telah dijemput sebagai panel. Tajuk yang telah dibincangkan dalam slot podcast ini ialah “Dari Bengkel Ke Tapak Pembinaan: Melatih Pelajar TVET Untuk Keperluan Industri Pembinaan Jalanraya Dan Pengangkutan”.

Barisan panel dalam slot podcast ini ialah:

- Encik Muhammad Hanif bin Ahmad Nazri - UEM Edgenta
- Encik Faiszul Adilin bin Ibrahim - Opus Consultant (M) Sdn.Bdn
- Encik Aliff Ardy bin Azman - Edgenta Infrastructure Services
- Encik Mohammad Faiz bin Abu Bakar - Edgenta Infrastructure Services
- Encik Mohamad Zulfakhar bin Ahmad Zainoren - TETO Engineering Sdn Bhd

Manakala pensyarah dari Jabatan DTH, Encik Muhammad Fauzi bin Idris telah bertindak sebagai moderator dalam program bual bicara ini. Banyak perkongsian daripada barisan panel yang telah disampaikan oleh mereka.

Antara kupasan topik yang telah dibincangkan adalah berkenaan pengalaman pekerjaan panel di tapak binaan, skop tugas mereka serta nasihat kepada pelajar-pelajar Jabatan DTH.



DTH IVORY PODCAST
bersama industri/alumni DTH

**Dari Bengkel ke Tapak Pembinaan:
Melatih Pelajar TVET untuk
Keperluan Industri Pembinaan Jalan
Raya dan Pengangkutan**

**Ahad @ 14.7.2024 @ 2.30 petang
@ 21st Century Room**

Moderator:	Panel 1:	Panel 2:	Panel 3:	Panel 4:	Panel 5:
En. Muhammad Fauzi bin Idris UEM Edgenta	En Muhammad Hanif bin Ahmad Nazri UEM Edgenta Panel 1: Kohort ke-5 (J02012)	En Faiszul Adilin bin Ibrahim Opus Consultant (M) Sdn.Bdn Panel 2: Kohort ke-5 (J02012)	En Aliff Ardy bin Azman Edgenta Infrastructure Services Panel 3: Kohort ke-6 (J02013)	En Mohammad Faiz bin Abu Bakar Edgenta Infrastructure Services Panel 4: Kohort ke-7 (J02013)	En Mohamad Zulfakhar bin Ahmad Zainoren TETO Engineering Sdn Bhd Panel 5: Kohort ke-9 (J02014)

f LIVE Anjuran: Jabatan Jalanraya dan Pengangkutan (DTH)
<https://www.facebook.com/KK7MSG0FFICIAL>



DTV INDUSTRIAL TALK

Bawa Alumni DTV

Berkongsi Pengalaman

dan Nasihat kepada

Pelajar DTV



Program yang berbentuk bual bicara iaitu “DTV Industrial Talk” antara alumni DTV dan juga pelajar DTV semester 3 dan 5 telah berlangsung di BIM LAB 2 pada 28 Julai 2024. Antara topik yang dibincangkan adalah mengenai permintaan yang tinggi terhadap pelajar TVET dalam bidang pembinaan khususnya BIM. Peningkatan projek-projek dalam bidang pembinaan yang memerlukan kepakaran BIM dari segi kemahiran *software*. Peluang pekerjaan yang meluas bagi pelajar-pelajar apabila tamat pengajian dan gaji yang lumayan.

Alumni DTV yang terlibat :

- Bazlaa Hazirah Binti Burham
(BIM Specialist, Greyform Sdn Bhd)
- Nur Fatehah binti Ahmad Zainoren
(QA Executive, New Malaysia Air-Conditioning & Engineering Sdn. Bhd)

Terima kasih kepada semua alumni DTV yang telah memberikan pandangan dan idea-idea bernas, memperkaya program DTV dengan pengalaman dan wawasan yang luar biasa.

Pada 29 Julai 2024 satu pertemuan bersama *External Examiner Program* DTV iaitu Professor Madya Dr. Ahmad Tarmizi Haron. Beliau yang jua merupakan Pengarah Kanan, Pusat Pengurusan Inovasi dan Komersial UMPSA telah bersama dengan pensyarah-pensyarah program DTV - Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Pemodelan Maklumat Bangunan) dalam program ini. Selain itu, bjuaga merupakan Naib Presiden 1, Pertubuhan BIM Malaysia dan Pakar Negara Worldskill dalam bidang Digital Construction.

DTV TINGKATKAN KUALITI MELALUI PERBINCANGAN BERSAMA

PANEL PEMERIKSA LUAR DTV DR. AHMAD TARMIZI HARON



Antara objektif pertemuan ini memfokuskan kepada penambahbaikan kurikulum dan kemudahan bahan pembelajaran yang sejajar dengan keperluan semasa industri pembinaan.

Jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi Haron diatas idea-idea dan pandangan yang bernas bagi memantapkan pembelajaran dalam bidang kejuruteraan pembinaan di KKTM Sri Gading khususnya dalam program DTV.



CSR JABATAN GEOSTRUKTUR & JABATAN PENGAJIAN AM

PENAMBAHBAIKAN BEKALAN AIR BERSIH DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI PARIT JIDIN

Parit Sulong, 23 Julai 2024 – KKTm Sri Gading bersama Skuad Prihatin ABIM Batu Pahat, telah menganjurkan Program Khidmat Masyarakat (CSR) dengan fokus pada projek peningkatan sistem bekalan air bersih di Perkampungan Orang Asli Parit Jidin, Parit Sulong. Program ini dirasmikan oleh Dato' Zulkurnain Bin Kamisan, ADUN Sri Medan.

Seramai 11 pensyarah dan 8 pelajar KKTm Sri Gading terlibat dalam program ini, di mana mereka berjaya memasang sebuah tangki air untuk kegunaan penduduk kampung. Selain itu, peserta CSR secara aktif menyantuni penduduk orang asli dengan melakukan lawatan dari rumah ke rumah, sambil membina ikatan mesra yang penuh makna dan memberi impak yang mendalam.

Program ini bertujuan memupuk keprihatinan dan kebersamaan dalam kalangan peserta, serta mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran insaniah dalam menjalin hubungan dengan masyarakat setempat. Aktiviti ini juga mendidik pelajar tentang semangat patriotik, prihatin dan tanggungjawab terhadap komuniti sekeliling sekali gus memperkukuhkan hubungan silaturahim antara KKTm Sri Gading dan masyarakat tempatan.



CSR

PELAJAR KKTM SRI GADING

GEMPUR SEKOLAH!

PARIT RAJA - Pada 24 dan 25 Julai 2024, Sekolah Kebangsaan Bukit Kuari telah menerima lawatan daripada 20 orang pelajar dan 3 orang pensyarah dari Kolej Kemahiran Tinggi MARA Sri Gading dalam satu Program Khidmat Masyarakat (CSR) yang berlangsung selama dua hari. Program ini, yang dianjurkan oleh Program Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan Sistem Termaju bertujuan untuk memperbaiki fasiliti fizikal sekolah serta memperkukuh hubungan antara komuniti setempat dan institusi pendidikan.



Aktiviti utama yang dijalankan dalam program ini termasuklah memperbaiki jubin lantai yang rosak, menutup lubang angin dan mengecat semula beberapa bahagian sekolah. Pelajar-pelajar ini menggunakan kemahiran teknikal yang dipelajari untuk memberi sumbangan nyata kepada sekolah, sambil dibimbing oleh pensyarah mereka.



Objektif utama program ini adalah untuk menjalin kerjasama dan memupuk semangat perpaduan antara pelajar, pensyarah dan komuniti. Di samping itu, ia juga memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasi pengetahuan mereka dalam situasi sebenar, menjadikan pengalaman ini amat bermakna.

Pihak sekolah menyambut baik usaha ini dan berterima kasih kepada KKTM Sri Gading atas inisiatif murni ini yang tidak hanya memperbaiki keadaan fizikal sekolah, tetapi juga menyemarakkan semangat kebersamaan dalam kalangan semua pihak yang terlibat.



Lawatan Penanda Aras

PERKONGSIAN ILMU
DAN AMALAN TERBAIK



Sungai Besi, Kuala Lumpur – Pada 24 Julai 2024, seramai 11 ahli Jawatankuasa Akademik KKTMs Sri Gading, termasuk Penyelaras OBE dan Penyelaras ETAC, telah mengadakan lawatan penanda aras ke Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Lawatan ini bertujuan untuk memperkukuh pengetahuan serta mempelajari amalan terbaik dalam pengurusan kurikulum dan bengkel di institusi pengajian tinggi tersebut.

Sepanjang lawatan, para peserta berpeluang untuk meninjau fasiliti dan infrastruktur di UPNM yang terkenal dengan kecemerlangan dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga berdisiplin tinggi.

Fokus utama lawatan ini adalah untuk memperoleh maklumat dan pengalaman yang boleh diaplikasikan di KKTMs Sri Gading bagi meningkatkan kualiti pengurusan akademik dan latihan.

Lawatan ini juga membuka ruang untuk perkongsian idea dan kolaborasi antara dua institusi pendidikan, sekali gus memperkukuh hubungan akademik antara KKTMs Sri Gading dan UPNM. Melalui inisiatif ini, diharapkan usaha untuk melahirkan graduan yang berkualiti tinggi dapat diperkukuhkan, selaras dengan matlamat pendidikan negara.



MAHABBAH DTE

MENGHIMPUNKAN PELAJAR DAN STAF

JABATAN BANGUNAN HIJAU
SESI JULAI-DISEMBER 2024

Majlis Mahabbah DTE bagi sesi Julai–Disember 2024 telah diadakan pada 31 Julai 2024 di Bilik Seminar.

Majlis yang dihadiri oleh semua staf dan pelajar Jabatan Bangunan Hijau (DTE) merupakan program rasmi Jabatan DTE.

Antara objektif pelaksanaannya ialah merapatkan ukhuwah agar sifat mahabbah antara setiap warga Jabatan DTE dapat terjalin selain menyampaikan informasi yang penting untuk diketahui oleh setiap pelajar.

Aturcara majlis ini antaranya ialah sesi taaruf pelajar semester 1 yang baharu mendaftar pada 20 Julai 2024, sesi penyerahan watak kepada barisan AJK Pelajar Jabatan DTE bagi sesi Julai–Disember 2024.



Selain itu, ucapan ulung daripada Presiden Pelajar Jabatan DTE juga merupakan antara aturcara majlis. Beliau turut meraikan kehadiran pelajar-pelajar baru serta menyampaikan beberapa nasihat dan harapan kepada semua pelajar-pelajar.

Selain itu, beberapa orang pensyarah juga telah menyampaikan amanat dan maklumat pada majlis tersebut.

Taklimat mengenai Outcome Based Education (OBE) telah disampaikan dengan penuh karisma oleh Ketua Program DTE, Ts. Mohammad Wazir Shafix bin Osman. Beliau juga memanfaatkan kesempatan ini untuk memberikan ucapan bersemangat, pesanan penting dan teguran bernas yang dijangka akan memberi dorongan luar biasa dan transformasi kepada semua pelajar Jabatan Bangunan Hijau.




Majlis Perpisahan

PUAN NOORHIDAYU BINTI MOHD NORDIN

PUAN AZNI BINTI CHE ALI

ENCIK HAIRUL ANWAR BIN MOHD NOH



Sri Gading, 15 Julai 2024 - KKTm Sri Gading meraikan Majlis Setulus Budi, Selingkar Kasih sebagai tanda penghargaan yang mendalam kepada tiga figura hebat. Dalam acara penuh emosi ini, Pn. Noorhidayu binti Mohd Nordin, Puan Azni binti Che Ali dan En. Hairul Anwar bin Muhammad Noh; tiga tokoh yang berdedikasi tinggi, mengucapkan selamat tinggal kepada institusi yang mereka cintai.

Dewan Teater A bergema dengan penghargaan dan ucapan selamat maju jaya, mengiringi mereka yang telah mencurahkan ilmu dan kasih sayang tanpa batas. Majlis ini menyentuh hati setiap hadirin, mengukir kenangan indah yang akan terus terpahat dalam jiwa warga KKTMSG.

"Agar perpisahan itu terasa ringan," menjadi bisikan yang mengiringi langkah mereka, dengan doa dan harapan yang tidak pernah surut. Tiga permata ini mungkin melangkah pergi, tetapi jasa mereka akan terus bersinar dalam ingatan kita. Dengan semangat yang mereka tinggalkan, KKTm Sri Gading akan terus melangkah maju, membawa warisan kecemerlangan mereka ke tahap yang lebih tinggi.

Jadilah orang yang baik...
Bila ada disukai...
Bila tiada dirindui

Tahniah 15 tahun bersama **MARA**



atas sumbangan dan khidmat bakti sepanjang menjalankan tugas dan
perkhidmatan bersama-sama
MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)



**ABD. HALIMNIZAM
BIN HJ. ABDULLAH**

Pegawai Latihan Vokasional
Jabatan Bangunan Hijau (DTE)



**HJH. HANNA HAYZALINA
BINTI ZAINAL**

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
Jabatan Pengajian Am



**NOORHIDAYU
BINTI MOHD. NORDIN**

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
Jabatan Pengajian Am



**NURUL ASHIKIN BINTI ABU
BAKAR**

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
Jabatan Pengajian Am



**NORAZLINA
BINTI NORDIN**

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
Jabatan Pengajian Am



**MASLIDA
BINTI ABU**

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
Jabatan Pengajian Am



**ROHANA
BINTI KIMON**

Pembantu Tadbir
(Rekod)



**MUHAMAD IZNAN
BIN JUSOH**

Penolong Pegawai Latihan Vokasional
Unit Penilaian dan Persijilan (UPP)



**NORHIDAYU
BINTI HASSAN**

Pembantu Tadbir
(Asrama)

DTC PODCAST IVORY



Isnin | 23.8.2024 - Pada 22 Julai 2024, satu sesi podcast yang berfokuskan keperluan, kepentingan, serta kebolehpasaran graduan dalam industri pembinaan telah diadakan dan disiarkan secara langsung melalui platform Facebook. Acara ini dianjurkan oleh DTC dan menampilkan beberapa panelis terkemuka dalam industri pembinaan. Sesi ini dikendalikan oleh Siti Afifah Huda binti Ja'afar, seorang pelajar kanan DTC, yang memastikan perbincangan berjalan lancar dan menyeluruh.

Dua panelis utama telah diundang untuk berkongsi pandangan dan pengalaman mereka dalam industri pembinaan. Panelis pertama, Ir. Norlela binti Abu Bakar, seorang jurutera dari Jabatan Kerja Raya (JKR), berkongsi tentang keperluan mendesak bagi graduan yang memasuki industri ini untuk memiliki kemahiran teknikal yang kukuh serta kesedaran mengenai perkembangan terkini dalam teknologi pembinaan. Panelis kedua, Encik Muhammad Aminnur Rasyid bin Azhar, seorang alumni DTC yang kini berkhidmat dengan Veolubuild Sdn. Bhd, memberikan perspektif daripada sudut seorang profesional muda dalam industri.

Podcast ini membincangkan topik berkenaan “Keperluan, kepentingan serta kebolehpasaran graduan di bidang insdustri khususnya bagi program Sistem Termaju yang berfokuskan kepada Sistem pembinaan *Industrial Building System* (IBS) dan sekaligus menjadikan KKTM Sri Gading sebagai Hub Akademi Industrial Building System di Selatan. Podcast ini berfungsi sebagai sumber penting bagi pelajar dan profesional yang bercita-cita untuk cemerlang dalam industri pembinaan, menawarkan kedua-dua pandangan teori dan nasihat praktikal.





Dua alumni berkongsi ilmu dalam

Podcast DTG

Para pelajar diberi pendedahan yang komprehensif tentang kelebihan dan potensi kelestarian dalam pembinaan moden di Malaysia. Ini selari dengan matlamat program untuk memupuk semangat dan kemenjadian dalam kalangan pelajar, sekaligus meningkatkan kesedaran mereka terhadap peranan penting geoteknikal dalam pembangunan negara.

Rabu | 21.8.2024 - Program Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan (Geostruktur) dengan kerjasama Jawatankuasa Industri KKTM Sri Gading telah berjaya menganjurkan Seminar Pembangunan Lestari Geoteknikal, bertempat di Bilik Seminar KKTM Sri Gading. Seminar yang diadakan dari jam 2.00 petang hingga 4.00 petang ini telah disiarkan secara langsung melalui platform Facebook Live KKTM Sri Gading, membolehkan penyertaan yang lebih luas daripada pelajar dan orang awam.

Seminar ini menampilkan dua panel jemputan yang berpengalaman luas dalam industri pembinaan. Encik Aidil Syaffuan Sulaiman, seorang jurutera awam dari Nakamura Construction, Shizuoka, Jepun, serta Encik Muhammad Aidil bin Mat Shah, Pengarah Projek DSU Bina Resources, berkongsi pandangan dan pengalaman mereka tentang kepentingan kelestarian dalam pembangunan geoteknikal.

Objektif utama seminar ini adalah untuk memperkasakan TVET dalam konteks pembangunan lestari, khususnya dalam bidang geoteknikal.



Seminar ini meneroka cabaran dan teknologi terkini dalam memastikan pembinaan berlandaskan kelestarian. Dengan interaksi aktif dalam sesi soal jawab, peserta menunjukkan minat mendalam. Sambutan luar biasa dari peserta di lokasi dan penonton dalam talian membuktikan kejayaan program ini. KKTM Sri Gading terus teguh sebagai tonggak TVET dalam memacu kelestarian dan kemajuan industri pembinaan negara.



MAJLIS TAUTAN KASIH PROGRAM DTH SESI JULAI-DISEMBER 2024 TERIMA 19 PELAJAR BAHARU

Ahad, 4.8.2024 - Program yang telah dihadiri oleh semua pensyarah dan juruteknik serta pelajar Jabatan Jalanraya dan Pengangkutan (DTH) merupakan program rasmi yang diadakan pada setiap awal semester.

Antara tentatif program ini ialah ucapan daripada Presiden Pelajar Jabatan DTH iaitu saudara Muhammad Hadi Syahmi. Selain itu, taklimat berkenaan Outcome Based Education (OBE) telah disampaikan oleh pensyarah Jabatan DTH iaitu Encik Muhd Farhan bin Sukaimy serta taklimat berkenaan Board of Engineers Malaysia (BEM) telah disampaikan oleh Ts. Azrul bin Hassan.

Seterusnya, Ketua Program DTH, Ts. Lelasari bin Ali telah menyampaikan ucapan dan

beberapa amanat beliau. Beliau turut meraikan kedatangan pelajar-pelajar baharu Jabatan DTH.

Akhir sekali ialah sesi suai kenal antara pelajar baharu semester 1 di mana seramai 19 orang pelajar baru telah mendaftar di KKTM Sri Gading pada 21 Julai 2024 yang lalu.

Majlis ini diakhiri dengan sesi penyerahan surat lantikan bagi Ahli Jawatankuasa Pelajar (AJK) Jabatan DTH sesi Julai - Disember 2024. Semoga AJK yang dilantik menunaikan tanggungjawab dengan keunggulan dan dedikasi yang tiada tandingan, mengorak langkah ke arah kejayaan luar biasa dan membimbing pelajar-pelajar Jabatan DTH menuju pencapaian yang lebih gemilang pada semester ini.



TAUTAN KASIH DTH 2024

2:00 PM - 5:00 PM | AHAD
DEWAN THEATER A
4 OGOS 2024

ATURCARA :

- Nyanyian lagu bangsa Johor, Negeraku dan Amanah Rakyat
- Bacaan doa
- Ucapan daripada Presiden DTH
- Ucapan dan amanat dari Ketua Program DTH Ts. Lelasari Bin Ali
- Taklimat penerangan OBE dan BEM
- Sesi pengenalan diri pelajar-pelajar semester 1
- Sesi fotografi

DTH's Legacy

Instagram: dthhighwaylegacy, TikTok: dthlegacy, Facebook: DTHHighway Legacy



Jabatan Perkhidmatan Bangunan dan Penyelenggaraan (DTM) telah menganjurkan Majlis Tautan Kasih bagi sesi Julai-Disember 2024. Majlis ini telah berlangsung pada 4 Ogos 2024 di Dewan Teater A dan dihadiri oleh seramai 8 orang staf dan 105 orang pelajar Jabatan DTM.

Program ini dilaksanakan untuk memperkenalkan pelajar semester 1 kepada warga DTM. Dalam majlis ini, Ketua Program DTM, Ts. Muhammad Faku Razi bin Abdul Aziz, telah menyampaikan taklimat berwibawa mengenai Outcome Based Education (OBE) dan Sustainable Development Goals (SDG), membekalkan pelajar dengan pengetahuan mendalam dan wawasan strategik.

Program ini bukan sahaja mengeratkan ikatan silaturahim antara pelajar dan para pensyarah, tetapi juga mencetuskan inspirasi dan memotivasi semua peserta untuk meraih kecemerlangan dalam akademik. Dengan objektif utama untuk memperkukuh hubungan antara pensyarah dan pelajar serta memberikan pencerahan tentang disiplin dan prinsip OBE serta SDG, program ini memastikan pelajar DTM memulakan perjalanan mereka dengan keyakinan dan pengetahuan yang unggul.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

diperkenalkan kepada pelajar-pelajar dalam
Majlis Perjumpaan Staf dan Pelajar
Jabatan DTM



Inovasi TVET: Memacu Pengajaran dengan AI dan Canva



BATU PAHAT, 5-8 Ogos 2024 – Dalam usaha mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran TVET, Jawatankuasa Pendigitalan TVET KKTMSB Sri Gading telah menganjurkan dua kursus utama berturut-turut di The Katerina Hotel, Batu Pahat. Kursus ini bermatlamat untuk memperkasa pendidik KKTMSB Sri Gading dengan kemahiran terkini dalam teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI).

Pada 5 Ogos 2024, kursus bertajuk "Integrated Artificial Intelligence in TVET Teaching and Learning" dikendalikan oleh Pn. Al Dinnul Firdausi binti Mohd Ibrahim dari Jabatan Pengajian Am, KKTMSB Sri Gading. Kursus ini memberi tumpuan kepada penggunaan AI dalam pendidikan TVET, menunjukkan bagaimana AI boleh diintegrasikan ke dalam pengajaran untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran. Para peserta didedahkan kepada pelbagai alat AI yang dapat membantu dalam mencipta bahan pengajaran yang lebih pintar dan berkesan, sekaligus mempersiapkan pelajar untuk menghadapi cabaran industri 4.0.



Sambungan kepada inisiatif ini diteruskan dengan kursus "Development of Interactive Digital Materials Using Canva Video and Canva Doc", yang diadakan dari 6 hingga 8 Ogos 2024. Diketahui oleh En. Nor Hafeez bin Saidin dan En. Muhammad Hussin Haekal bin Mohd Noor dari KKTM Lenggong, kursus ini memfokuskan kepada pembangunan bahan pengajaran digital yang interaktif menggunakan platform Canva. Alat seperti Canva Video dan Canva Doc diperkenalkan sebagai solusi mudah dan efektif untuk mencipta bahan pengajaran yang menarik dan dinamik.

Kedua-dua kursus ini dihadiri oleh pensyarah-pensyarah KKTM Sri Gading, yang semuanya komited untuk membawa perubahan positif dalam pendekatan pengajaran mereka. Penggunaan AI dan alat digital seperti Canva diharapkan dapat merevolusikan cara pendidikan TVET dijalankan, menjadikannya lebih relevan dengan perkembangan teknologi semasa dan keperluan industri.

Intinya, adalah diharapkan barisan pensyarah KKTM Sri Gading dapat menjadi perintis dalam inovasi pendidikan TVET di Malaysia melalui pengetahuan digital terkini demi membina generasi pelajar yang kompeten dan berdaya saing di peringkat global.



11 Agenda, 1 Mattamat

PERHIMPUNAN PERDANA KKTMSG 2024

Sri Gading, 1 Ogos 2024 – Perhimpunan Perdana bersama Pengarah KKTMSG Sri Gading bagi Sesi Julai-Disember 2024 telah berlangsung dengan penuh gemilang di Dewan Darul Takzim. Acara yang bermula pada jam 8.30 pagi dan berakhir pada 1.00 tengahari ini menghimpunkan pelbagai acara penting yang menyatukan seluruh warga kolej.

Dalam ucapannya, Pengarah KKTMSG Sri Gading, Tn Hj Azman bin Ali, menekankan betapa pentingnya nilai kesatuan dan semangat kerjasama dalam mencapai kecemerlangan, baik dalam akademik mahupun pembangunan sahsiah. Beliau turut menyatakan bahawa program ini menjadi platform terbaik untuk mengukuhkan semangat kebersamaan dalam kalangan pelajar dan staf.

Perhimpunan Perdana kali ini menggabungkan 11 agenda penting seperti ikrar pelajar baharu, persembahan pelajar, pelancaran OSH Week, pelancaran dan *flag off* kontinjen World Skills Malaysia Belia, pelancaran Agenda@Gold SPEKMA 2024, penyampaian sijil CSR DTH Kampung Angkat, penyampaian sijil fasilitator Minggu Haluan Siswa, pelantikan BADAR, pelantikan MPP 2024/2025 dan penyampaian *GPA Top Achievers Award*. Program ini diakhiri dengan pelancaran Bulan Kemerdekaan, menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan warga kolej.

Program Perhimpunan Perdana ini bukan sahaja menjadi platform untuk menghargai pencapaian warga kolej, tetapi juga menyemai semangat patriotisme dan kesatuan dalam kalangan semua yang hadir. Dewan Darul Takzim sekali lagi menjadi saksi kepada komitmen KKTMSG Sri Gading dalam melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga mempunyai jati diri yang kukuh.



Jiwa Merdeka

mewarnai Dewan Darul Takzim

Sri Gading, 1 Ogos 2024 – Perhimpunan Perdana bersama Pengarah KKTm Sri Gading bagi Sesi Julai-Disember 2024 telah berlangsung dengan penuh gilang-gemilang di Dewan Darul Takzim. Perhimpunan kali ini mendapat sambutan hangat bukan sahaja kerana kehadiran Pengarah KKTm Sri Gading, Tn Hj Azman bin Ali, tetapi juga kerana diselitkan dengan majlis perasmian sambutan kemerdekaan yang menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan warga kolej.

Perhimpunan Perdana kali ini tidak hanya menjadi platform untuk menyampaikan amanat penting daripada pihak pengurusan tetapi juga berjaya membangkitkan semangat patriotik dalam kalangan warga KKTm Sri Gading. Dengan aktiviti-aktiviti yang berunsurkan cintakan negara, perhimpunan kali ini telah menyatukan warga kolej dalam semangat kebangsaan yang tinggi.

Majlis ditutup dengan penuh rasa bangga apabila semua yang hadir menyanyikan lagu-lagu patriotik, menciptakan suasana yang dipenuhi dengan semangat cinta dan kesetiaan terhadap tanah air.



Jiwa Merdeka adalah penzahiran kepada kebebasan rakyat Malaysia daripada sebarang elemen negatif dalam menginterpretasikan semangat patriotisme dan cinta negara melalui pelbagai cara meliputi aspek pemikiran, integrasi sosial dan ekonomi seterusnya membentuk satu kesatuan rakyat yang kukuh, harmoni dan progresif.





29 OGOS 2024

BOOTH MERDEKA EPIK JALUR GEMILANG

Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan di KKTm Sri Gading, pelajar dari Jabatan DTF dan DTG yang mengikuti kursus Pengajian Malaysia telah menganjurkan Pertandingan Booth Kemerdekaan: Epik Jalur Gemilang. Pertandingan ini bertujuan untuk memupuk semangat patriotisme dan kreativiti dalam kalangan pelajar melalui hiasan booth yang bertemakan Jalur Gemilang.

Pelbagai elemen menarik dipamerkan, termasuk pameran sejarah kemerdekaan, seni kraf bertema Jalur Gemilang serta permainan interaktif yang menguji pengetahuan pengunjung tentang sejarah negara. Setiap booth dinilai berdasarkan kreativiti, penghayatan tema, keterlibatan pelajar dan keseluruhan persembahan.

Pertandingan ini bukan sahaja menggalakkan rasa cinta akan negara, tetapi juga memperkukuh semangat kerjasama di kalangan pelajar. Pertandingan ini telah dimenangi oleh Jabatan DTV, dengan Jabatan DTG dan DTH masing-masing meraih tempat kedua dan ketiga.

Dengan semangat kemerdekaan yang tinggi, pertandingan ini berjaya mencetuskan suasana yang penuh kebanggaan dan kasih sayang terhadap tanah air. Syabas kepada semua pasukan yang telah menunjukkan usaha dan kreativiti terbaik.





Bertemakan Jejak Keris, peserta perlu melalui lima *checkpoint* yang masing-masing menyimpan petunjuk yang berkaitan dengan sejarah dan budaya Malaysia. Setiap *checkpoint* menampilkan soalan dan cabaran yang memerlukan pelajar untuk menggunakan pengetahuan sejarah serta kebolehan berfikir secara kritis. Aktiviti ini bukan sekadar permainan, tetapi juga satu platform untuk memupuk cinta akan sejarah dan warisan negara di kalangan pelajar. Treasure Hunt 'Jezak Keris' telah berjaya menarik minat pelajar untuk lebih mendalami sejarah negara, sambil mencipta kenangan indah melalui persahabatan dan kerjasama.

Menggali Sejarah, Menyemarak Semangat





2 PESILAT KKTU SRI GADING

WAKILI JOHOR DALAM SUKMA SARAWAK 2024

Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak baru sahaja melabuhkan tirainya pada 24 Ogos 2024. Dua orang pelajar KKTU Sri Gading telah menyertai kejohanan kali ini yang telah berlangsung di negeri Sarawak.

Pelajar semester 6, Raihani Tasha binti Romalno dari Jabatan Bangunan Hijau (DTE) dan Muhammad Qusyairy Khairy bin Azami dari Jabatan Perkhidmatan dan Penyelenggaraan (DTM) semester 5 telah mewakili negeri Johor dalam acara pencak silat.

Dalam kejohanan tersebut saudara Muhammad Qusyairy Khairy bin Azami telah berjaya meraih Pingat Perak.

Tahniah sekali lagi kepada kedua-dua mereka dan teruskan kecemerlangan pada masa akan datang.

Muhammad Qusyairy Khairy bin Azami raih pingat PERAK



Muhammad Qusyairy Khairy bin Azami
beraksi merebut gelaran Juara



Muhammad Qusyairy
Khairy bin Azami
Pelajar DTM5
Pencak Silat



Raihani Tasha Binti
Romalno
Pelajar DTE6
Pencak Silat



Persahabatan dan MAKSAK

medan persediaan atlet bola tampar
KKTm Sri Gading

Pada 17 Julai 2024 satu perlawanan persahabatan antara KKTm Sri Gading dan SIME Darby Johor telah berlangsung di gelanggang bola tampar KKTm Sri Gading. Objektif utama perlawanan persahabatan ini adalah sebagai persiapan kepada pelajar yang terpilih sebagai atlet Sukan Pelajar Kemahiran MARA (SPEKMA) 2024 dalam acara bola tampar dan seramai 12 orang pelajar lelaki telah mengambil bahagian dalam perlawanan persahabatan ini.

Semoga pasukan bola tampar akan beroleh kejayaan dalam SPEKMA 2024 yg akan diadakan di KKTm Kemaman pada bulan September 2024.

Manakala Pertandingan Sukan Bola Tampar anjuran Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) Johor Games 2024 telah diadakan pada 19 Julai 2024 bertempat di Dewan Taman Universiti, Skudai, Johor. Staf wanita KKTm Sri Gading bersama-sama kakitangan dari pusat lain di bawah MARA tidak melepaskan peluang untuk turut serta menyertai pertandingan ini dalam kategori wanita bagi mewakili MARA Johor.

Terdapat 9 pasukan lain yang turut terlibat dalam pertandingan ini yang terdiri dari pelbagai agensi kerajaan dari negeri Johor antaranya ialah dari Jabatan Perdana Menteri, Universiti Teknologi Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan lain-lain lagi dimana Jabatan Pelajaran Negeri Johor telah berjaya menjadi juara.

Walaupun pasukan MARA Johor telah tewas dalam pertandingan ini, semangat dan kesungguhan juga harus diberi pujian kepada para atlet. Semoga pertandingan ini dapat memberi pengalaman berguna bagi meningkatkan keyakinan agar beroleh kejayaan dalam kejohanan Sukan MARA Se-Malaysia (SUKMAS) 2024 serta pertandingan yang lain kelak.

#GoldforSUKMAS2024



3 BEREGU BAWA PULANG HADIAH WANG TUNAI DALAM PERTANDINGAN MEMANAH TRADISIONAL TERBUKA KULAI

Sabtu, 10.8.2024 - Seramai 6 orang pelajar dan 3 orang staf KKTm Sri Gading telah menyertai Pertandingan Memanah Tradisional Terbuka Daerah Kulai sempena Karnival Maju Johor 2024. Ianya dianjurkan oleh Majlis Sukan Daerah Kulai. Pertandingan ini telah berlangsung di Hutan Bandar MPKu.



Ianya dilaksanakan secara beregu di mana terdapat 5 pasangan pemanah dari KKTm Sri Gading telah terlibat. Selain penglibatan staf dan pelajar KKTm Sri Gading, pertandingan ini turut disertai oleh pemanah-pemanah dari sekitar negeri Johor seperti Batu Pahat, Johor Baharu, Pasir Gudang dan Kulai.

Pasangan kembar bergu wanita Nurul Syazana binti Mohamad Rosli dan Nurul Syazani binti Mohamad Rosli dari DTE5A telah memenangi tempat kedua bagi kategori wanita di mana mereka telah membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM300.00.



Manakala pasangan beregu Syahrul Irwan bin Sabri dan Muhammad Faizal Amin bin Ibrahim telah memenangi tempat ketiga dan membawa pulang wang tunai RM200.00. Selain itu, pasangan Muhammad Ariff Farhan bin Rosle dan Muhammad Aiman Shazwan bin Shah Rizal telah memenangi tempat ke enam dan memenangi wang tunai RM100.00.

Semoga kejayaan gemilang dalam pertandingan ini bukan sahaja memupuk semangat bersukan yang membara dalam kalangan pelajar dan staf, tetapi juga menggalakkan mereka untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam setiap aspek kehidupan.



ANIMASI DIGITAL: KREATIVITI TANPA BATAS!

Unit Matematik, KKTМ Sri Gading anjur Bengkel Penghasilan Video Beranimasi

Pada 3 Ogos 2024, bertempat di 21st Century Classroom, bengkel ini bertujuan untuk memperkenalkan dan memberi penerangan mengenai langkah-langkah asas dalam penghasilan video beranimasi di samping memperkenalkan aplikasi-aplikasi yang sesuai untuk digunakan. Seramai 19 orang pelajar KKTMSG telah mengambil bahagian dalam bengkel ini, dengan bantuan 4 orang fasilitator yang juga terdiri daripada pelajar KKTМ Sri Gading.

Objektif

Program ini direka untuk membantu pelajar melengkapkan tugas berkumpulan yang memerlukan kemahiran dalam menyampaikan maklumat secara digital, terutamanya dalam bentuk video beranimasi.

Melalui bimbingan fasilitator, para pelajar diberi peluang untuk mempelajari teknik-teknik penting dalam penghasilan kandungan video yang menarik dan efektif. Ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran teknikal mereka, tetapi juga mengukuhkan kebolehan mereka untuk bekerja dalam kumpulan dengan lebih berkesan.

Secara keseluruhannya, bengkel ini berjaya mencapai objektifnya dalam memperkasakan pelajar dengan kemahiran digital yang semakin diperlukan dalam dunia pendidikan dan kerjaya masa kini. Pelajar yang mengambil bahagian tidak hanya memperoleh pengetahuan baru, tetapi juga keyakinan untuk menghasilkan video beranimasi yang berkualiti, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran mereka di masa hadapan.





PENGANJURAN KURSUS REFRESHER COURSE : *DEVELOPING AN OUTCOME BASED ASSESSMENT* *dalam memantapkan kaedah penilaian di KKTm Sri Gading*

Program *Refresher Course: Developing An Outcome Based Assessment* ini telah diadakan pada 21.8.2024 bertempat di 21st Century Room KKTm Sri Gading anjuran Sekretariat Outcome Based Education (OBE) KKTMSG dengan penglibatan seramai 20 orang pensyarah bermula dari pukul 8.00 pagi.

Objektif utama program ini diadakan adalah bagi memberi penerangan mengenai kaedah penilaian berkesan mengikut pendekatan yang bersesuaian dengan kursus selain bagi memastikan penilaian yang diamalkan di KKTm Sri Gading mematuhi standard program dalam mengukur tahap kualiti pelajar melalui sistem pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Program ini telah dimulai dengan slot ceramah yang bertajuk "*Assessment vs Evaluation: What's the difference?*" yang telah disampaikan oleh Ts. Zaharah binti Mamat.

Seterusnya program diteruskan lagi dengan sesi penyampaian ceramah bagi slot kedua bertajuk "*Blooms Taxonomy; Resource for Educators*" yang telah disampaikan oleh Ts Mohamad Wazir Shafix bin Osman dan diakhiri dengan ceramah slot ketiga yang bertajuk "*Incorporating the Knowledge Profile, Well-Defined Engineering Problem and Well-Define Engineering Activities in Assessment*" yang telah disampaikan oleh YM Tengku Irni Nazlia binti Tengku Ibrahim.

Majlis penutup serta penyerahan sijil kepada peserta terlibat turut dilaksanakan sebelum program tamat pada pukul 5.00 petang. Diharapkan dengan program seperti ini, para peserta dapat menggunakan segala ilmu dan pengetahuan baru dalam meningkatkan lagi pemahaman berkenaan OBE terutama dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di KKTm Sri Gading.



Larian Merdeka: Melakar Jalur Gemilang, Menyemai Semangat Patriotisme!



Pada 22 Ogos 2024, Unit Pengajian Malaysia telah berjaya menganjurkan program Larian Kemerdekaan Jalur Gemilang yang berlangsung di Astaka KKTM Sri Gading. Acara yang bermula pada jam 8.30 pagi sehingga 12.00 tengah hari ini dianjurkan oleh pelajar program DTM2A yang mengikuti kursus Pengajian Malaysia sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Malaysia ke-67. Objektif utama program ini bertujuan memupuk semangat patriotisme dalam kalangan warga KKTM Sri Gading.



Larian ini melibatkan penyertaan penuh daripada para pelajar dan staf, yang bersama-sama menjelajahi laluan sekitar Taman Universiti dalam semangat kemerdekaan. Program ini bukan sahaja berfungsi sebagai aktiviti fizikal yang sihat, tetapi juga sebagai medium untuk mengeratkan silaturahim antara peserta.

Hadiah menarik telah disediakan untuk pemenang dengan ganjaran bagi tempat pertama sehingga tempat kesepuluh. Berikut adalah hadiah-hadiah yang ditawarkan:

- Tempat Pertama: RM100 + Sijil + Meda
- Tempat Kedua: RM70 + Sijil + Meda
- Tempat Ketiga: RM50 + Sijil + Meda
- Tempat Keempat: RM30 + Sijil + Meda
- Tempat Kelima – Kesepuluh: RM10 + Sijil + Meda





PERASMIAN SEMARAK JIWA MERDEKA KE ARAH MALAYSIA MADANI: KKTm SRI GADING MENYEMARAKKAN

Semangat Patriotisme

Sri Gading, 29 Ogos 2024 – Dewan Darul Takzim bergema dengan semangat patriotisme apabila program Perasmian Semarak Jiwa Merdeka Ke Arah Malaysia Madani dilancarkan dengan penuh gemilang. Acara yang berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari ini berjaya menyatukan warga KKTm Sri Gading dalam satu semangat cintakan tanah air yang tidak berbelah bahagi.

Program ini dikendalikan oleh pelajar Jabatan Permodelan Maklumat (DTV) yang mengikuti kursus Pengajian Malaysia telah berjaya menyemarakkan semangat jiwa merdeka dalam kalangan warga KKTm Sri Gading. Dengan kehadiran yang memberangsangkan, Dewan Darul Takzim menjadi saksi kepada tekad KKTm Sri Gading dalam memperkukuhkan jati diri dan kesatuan sebagai sebuah institusi pendidikan yang berwawasan.

Majlis perasmian ini turut menampilkan pelbagai acara menarik seperti persembahan silat, zapin, deklamasi sajak dan booth merdeka yang turut menambah warna pada sambutan kemerdekaan yang penuh bersejarah ini. Semoga semangat yang dipupuk pada hari ini akan terus mekar dan menjadi inspirasi kepada semua warga KKTm Sri Gading untuk terus berjuang demi negara tercinta.



KEM MOTIVASI KONTINJEN KKTm, MJII DAN IKM sebagai persediaan ke peringkat akhir Pertandingan Worldskills Belia Malaysia (WSMB)

Pada 2 hingga 4 Ogos 2024, kem motivasi yang penuh bersemangat telah diadakan untuk Kontinjen KKTm, MJII, dan IKM sebagai persiapan menghadapi Pertandingan Worldskills Malaysia Belia 2024 Peringkat Akhir yang bakal berlangsung pada penghujung bulan Ogos ini.

Kem ini, yang dianjurkan oleh Bahagian Kemahiran Teknikal (BKT) MARA, telah berlangsung di Nur Lembah Pangsun Eco Resort, Hulu Langat, Selangor, menyediakan platform yang ideal untuk memantapkan kesiapsiagaan peserta dalam menghadapi cabaran mendatang.

Seramai 4 pelajar dari KKTm Sri Gading telah menjadi duta unggul dalam kem motivasi ini, mewakili antara 40 peserta terpilih.

Mereka yang merupakan bintang dari program DTV dalam bidang Digital Construction, terdiri daripada saudara Muhammad Aiman Zikry bin Suhaimi, saudara Muhamad Nashrul bin Zulkifli, saudara Muhammad Izzkandar Fauzi bin Abd Razak dan saudari Fatin Nur Arisha binti Yamidi.

Keberanian dan komitmen mereka menggarap kejayaan yang membanggakan di pentas kem ini, menjadi inspirasi kepada seluruh kontingen.

Objektif program ini adalah untuk membina keyakinan diri dan suntikan semangat kepada pelajar-pelajar KKTm, MJII dan IKM yang Berjaya ke peringkat akhir WMSB 2024.

Semoga kem ini memperkukuh kekuatan fizikal dan mental kalian, memberi dorongan yang diperlukan untuk bersinar di hari pertandingan akhir.

Tahniah dan syabas kepada anak-anak KKTm Sri Gading!

Teruskan menerajui kejayaan dan mengharumkan nama!





Dari 25 hingga 29 Ogos 2024, Peringkat Akhir Pertandingan Worldskills Malaysia Belia 2024 telah berlangsung di MyBIM Centre, Kuala Lumpur.

Pertandingan ini menyaksikan pertemuan cemerlang antara pelajar-pelajar KKTm Sri Gading dan KKTm Pasir Mas, diwakili oleh MARA dalam bidang Digital Construction. Para peserta telah diberikan taklimat menyeluruh untuk mempersiapkan diri menghadapi cabaran sengit.

Pelajar dari KKTm Sri Gading terdiri daripada saudara Muhammad Aiman Zikry bin Suhaimi, saudara Muhamad Nashrul bin Zulkifli, saudara Muhammad Izzkandar Fauzi bin Abd Razak dan saudari Fatin Nur Arisha binti Yamidi, masing-masing dari program DTV, telah mewakili institusi dengan penuh semangat.

Mereka turut diringi oleh jurulatih pakar dalam bidang Digital Construction, Encik Mohamad Fazil bin Jamaluddin, serta Encik Mohd Fauzan bin Saidin Penyelaras WMSB KKTm Sri Gading, yang memberikan bimbingan dan sokongan sepanjang pertandingan.

Pada hari sebelum pertandingan ini berlangsung, Pengarah KKTm Sri Gading iaitu Tuan Haji Azman bin Ali sendiri telah turun padang untuk memberi kata-kata semangat kepada semua pelajar yang diwakili oleh pihak MARA.

Sasaran utama kolej kita adalah untuk meraih semua pingat yang dipertandingkan. Ini merupakan kali ke-4 wakil pelajar dari KKTm Sri Gading melangkah ke peringkat akhir Pertandingan Worldskills Malaysia Belia.

Semoga kejayaan bergemerlapan milik kita. Ayuh KKTm Sri Gading, tunjukkan kehebatan anda!



KEPAKARAN PEMBINAAN DIMANFAATKAN

KKTM SRI GADING BANTU ASNAF DI PARIT GANTONG




dari Pejabat Parlimen Batu Pahat telah membuktikan KKTM Sri Gading cakna dan prihatin dalam kerja-kerja kemasyarakatan.

Syabas kepada pasukan CSR KKTM Sri Gading! Semoga usaha murni ini terus memacu kejayaan dan memberi impak yang mendalam dalam khidmat komuniti pada masa hadapan.

Satu program khidmat masyarakat Cakna Kasih telah diadakan di Kampung Parit Gantong, Batu Pahat pada 25 hingga 29 Ogos 2024. Program ini telah melibatkan seramai 12 pensyarah, PPLV dan juga 38 orang pelajar dari program DTG, DTV, DTH, DTE dan DTH KKTM Sri Gading melibatkan kerja-kerja membaiki pulih sebuah rumah asnaf. Kerja-kerja CSR ini dilakukan secara berfasa yang meliputi beberapa skop kerja-kerja binaan bangunan antaranya pemasangan *frame* dan atap hingga kemasan *gypsum* serta pendawaian elektrik.

Antara objektif CSR ini dijalankan adalah mengaplikasikan kepakaran teknikal dalam pembinaan rumah yang selamat dan selesa selain memberi peluang kepada pelajar Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam pembinaan rumah yang berkualiti dan sesuai bagi keluarga asnaf di Pt. Gantong. Disamping itu juga, projek CSR ini dapat meningkatkan kesejahteraan komuniti melalui sumbangan kepakaran dan dapat membantu golongan asnaf dengan menyediakan keperluan asas tempat tinggal yang direka dan dibina oleh pelajar yang mempunyai kepakaran dalam bidang pembinaan. Program ini, yang dipimpin dengan cemerlang oleh Ustaz Norazri bin Mohd Zaidin dan Encik Mohd Fizal bin Abu Bakar sebagai AJK CSR KKTM Sri Gading, dengan sokongan



Kepedulian pensyarah dan pelajar Jabatan Perkhidmatan Bangunan dan Penyelenggaraan Bantu Bina Bumbung Kantin SK Seri Pandan

Parit Raja, 27-28 Ogos 2024 – Jabatan Teknologi Kejuruteraan Pembinaan Perkhidmatan Bangunan dan Penyelenggaraan (DTM) sekali lagi menunjukkan komitmen tinggi mereka dalam tanggungjawab sosial melalui program khidmat masyarakat (CSR) di Sekolah Kebangsaan Seri Pandan, Kg Parit Seri Pandan, Batu Pahat. Program ini melibatkan kerja-kerja penambahan bumbung di kantin sekolah yang dijalankan selama dua hari dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Program ini melibatkan 40 orang pelajar dan 9 orang pensyarah, bersatu tenaga bagi memastikan projek ini terlaksana dengan jayanya. Objektif utama program ini adalah untuk mendekatkan komuniti luar dengan kakitangan dan pelajar KKTm Sri Gading, sambil membentuk komuniti yang saling bantu-membantu.

Tambahan pula, inisiatif ini secara tidak langsung memperkenalkan KKTm Sri Gading sebagai institusi yang bukan sahaja terkemuka dalam pendidikan, tetapi juga prihatin terhadap kesejahteraan masyarakat sekitarnya. Melalui usaha gigih mereka, diharap penambahan bumbung ini mampu memberikan keselesaan yang lebih baik kepada pelajar SK Seri Pandan.

Intinya, program ini bukan sahaja melambangkan semangat kerjasama yang padu tetapi juga menegaskan bahawa KKTm Sri Gading sentiasa berdiri teguh sebagai rakan komuniti yang sentiasa bersedia dalam khidmat kemasyarakatan.





KKTM SRI GADING SERTA

Pameran 6th International Sustainable Energy Summit (ISES) 2024

Pameran 6th International Sustainable Energy Summit (ISES) 2024 KLCC telah diadakan bermula 20 hingga 21 Ogos 2024, bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). KKTMSG tidak melepaskan peluang untuk menyertai pameran ini sebagai pempamer yang diwakili pensyarah dari jabatan DTE iaitu En. Sharil bin Ab Lah dan En Syahrul Nizam bin Maarup.

ISES 2024 bertujuan menekankan potensi transformasi penyelesaian inovatif dan membuka kemungkinan baru untuk membangunkan penyelesaian yang berkesan, berorientasikan masa depan dan mampan. ISES menjadi pusat berasaskan pengetahuan terkemuka, memupuk kerjasama industri dalam sektor awam dan swasta. Sidang kemuncak ini merangkumi dua hari yang dinamik: persidangan perkongsian pengetahuan dan interaksi perniagaan yang berkesan melalui pameran dan sesi padanan perniagaan.

Antara peralatan yang telah dibawa oleh wakil KKTMSG ke pameran ini adalah yang berkaitan dengan tenaga seperti *Power Quality Analyzer*, *Windor Energy Profiler*, *Thermal Microclimate*, *Hot Wire Anemometer*, *Thermal Imager*, *Multi-Function Climate Measuring Instrument*, *Thermo - Hygro Co2 Meter* dan *AC/DC Clamp Meter*.

Program ISES 2024 memberi informasi berkenaan peralihan tenaga melalui inovasi dengan memerlukan dasar industri yang kukuh dan fokus yang jelas pada karbon sifar. Dasar yang berkesan harus menekankan kepentingan memupuk penyelidikan dan pembangunan, menyokong penggunaan tenaga bersih, serta menggalakkan kerjasama antara sektor awam dan swasta. Selain itu, ia juga perlu memupuk kerjasama antarabangsa, penyeragaman, dan penglibatan awam, yang penting untuk berkongsi pengetahuan dan mendorong tindakan kolektif menuju masa depan tenaga yang mampan.



KKTM SRI GADING

turut mengambil bahagian dalam perbarisan sempena

Sambutan Hari Kemerdekaan ke 67 peringkat Daerah Batu Pahat

Batu Pahat, 31 Ogos 2024 – Sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-67, Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Sri Gading telah menghantar wakil pelajar dari program Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembinaan Bangunan Hijau (DTE) semester 1, 2 dan 3 untuk menyertai perbarisan peringkat daerah yang diadakan di Batu Pahat. Penyertaan ini adalah sebahagian daripada usaha KKTM Sri Gading untuk memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan pelajarannya.

Para pelajar DTE tampil dengan penuh semangat dan disiplin tinggi, melambangkan kebanggaan mereka sebagai anak Malaysia. Kehadiran mereka bukan sahaja mewakili institusi, tetapi juga menunjukkan komitmen KKTM Sri Gading dalam menyemai nilai-nilai kenegaraan dalam kalangan pelajar.

Perbarisan tersebut berlangsung dengan penuh meriah, dengan pelbagai agensi kerajaan, sekolah dan institusi pendidikan lain turut serta. Wakil pelajar DTE KKTM Sri Gading berjaya mencuri tumpuan dengan persembahan yang rapi dan kemas, sekali gus memaparkan semangat kesatuan dan kerjasama yang utuh.

Penyertaan dalam acara ini juga merupakan pengalaman berharga bagi pelajar, yang dapat merasai sendiri suasana sambutan Hari Kemerdekaan di peringkat daerah, bahkan memperkukuh semangat juang dan kecintaan terhadap tanah air. KKTM Sri Gading berbangga dengan penglibatan pelajarannya dan komited untuk terus menyokong aktiviti-aktiviti yang memupuk jati diri dan patriotisme.



Gambaran perasaan yang sukar diluahkan dalam detik-detik akhir perkhidmatan selama 16 tahun di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) Sri Gading. Perasaan sayu meliputi segenap ruang jiwa insan kerdil ini, bersulam rasa gembira apabila tercatat nama dalam pekeliling Arahan Pertukaran/Perubahan Jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan pada Jumaat terakhir 1445H.

Insan kerdil ini berasa cukup bertuah diraikan dengan begitu meriah oleh pelbagai peringkat perjawatan dan pelajar di KKTm Sri Gading. Hari terakhir merakam thumbprint meninggalkan suatu memori yang sukar dilupakan. Ruang legar Jabatan Pengajian Am, bilik pensyarah, pejabat pentadbiran dan bilik Ketua Program/Jabatan menyaksikan deraian air mata yang tidak dapat dibendung.

Ucapan insan kerdil ini dalam Majlis Perpisahan Staf mengimbau kenangan bagaimana staf KKTm Sri Gading bertungkus-lumus menyiapkan dokumen persediaan untuk mendapatkan pengiktirafan akreditasi bagi lima program awal di KKTm Sri Gading. Saat itu, sejujurnya, umpama kelip-kelip yang terbang di malam hari. Secara individu, kelip-kelip tidak mungkin menghasilkan cahaya yang indah dan mempersonakan. Cahaya tersebut hanya dapat terhasil melalui komitmen dan rasa kebersamaan sekumpulan kelip-kelip.

Jadilah kelip-kelip yang tidak jemu menyinari kegelapan malam. Apa jua perkara baik, sama ada melibatkan akademik, keagamaan, peningkatan profesionalisme, sahsiah, atau apa sahaja, usah disembunyikan. Kongsikan bersama semua agar amal jariah yang sekecil zarah itu menjadi lautan pahala buat kita di akhirat kelak. Mungkin perkongsian kecil itulah yang akan menjadi titik perubahan atau kejayaan gemilang bagi orang lain yang berada di sekeliling kita.

Jadilah kelip-kelip yang sentiasa ceria menyebarkan cahaya. Percayalah, kelip-kelip mungkin tidak terlihat begitu unik apabila dilihat setiap malam, tetapi apabila cahaya kelip-kelip itu hilang pada suatu ketika, sedikit sebanyak akan timbul rasa kehilangan. Itulah rezeki berupa rindu dan kasih yang Allah titipkan dalam hati insan kerdil ini. Semoga ikatan ukhuwah yang terjalin kekal hingga ke akhir hayat.

Jadilah kelip-kelip yang sentiasa berada dalam kelompok. Kejayaan hebat yang dicapai oleh KKTm Sri Gading dalam setiap penilaian dan pertandingan di pelbagai peringkat terhasil daripada semangat kekitaan yang wujud dalam setiap tindakan. Tahniah kepada staf dan pelajar KKTm Sri Gading. Terusna meningkatkan apa sahaja yang baik untuk menjadi lebih baik pada masa akan datang.

Terima kasih atas ruang coretan ini. Kemaafan dipohon atas segala salah dan silap. Ambillah apa yang baik daripada perkongsian ini kerana segala yang baik datang daripada Allah, manakala yang buruk adalah daripada kelemahan diri insan kerdil ini sendiri.

Wallahu a'lam bishawab.



TICER AYU *Legasi* YANG DITINGGALKAN 2008 - 2024





KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA SRI GADING



<https://www.facebook.com/KKTMSGOFFICIAL>



<https://www.instagram.com/kktmsg>